

Wakil pengedar coklat Fidani

FIDANI Chocolatier Sdn Bhd mencari wakil pengedar berminat dalam perniagaan berasas coklat bagi mengembangkan lagi perniagaannya menjelang hujung tahun ini.

Menurut Eksekutif Perniagaan syarikat berkenaan, Lim Eiling (*gambar*), keperluan mencari wakil pembuat yang pada masa sama menjual serta mengedar coklat diperlukan bagi menampung permintaan tempahan bertambah dari semasa ke semasa.

“Ini kerana Fidani menyediakan coklat yang direka atau dibentuk khusus atas permintaan pelanggan dan ia membuatkan coklat keluaran kami berbeza dengan sedia ada di kebanyakan pasar raya kini.

“Kami memerlukan mereka yang berminat dalam perniagaan ini,” katanya.

Katanya, pemilihan wakil Fidani rumit dan tidak diukur melalui suntikan kewangan dimilikinya.

“Wakil perlu mempunyai beberapa kriteria termasuk pandai membuat coklat serta berpengetahuan luas selok-belok perniagaan,” katanya.

“Selain itu Fidani memerlukan wakil yang be-



tul-betul komited untuk menjalankan perniagaan berasaskan manisan berkenaan,” katanya.

Sementara itu, konsep baru yang diperkenalkan syarikat itu bakal terus menawan hati penggemar manisan berkenaan dan terbaru, Fidani tampil dengan coklat khas buat cenderahati kaum lelaki.

Coklat berbentuk cerut atau ‘Chocolate Tubos’ dibuat khas untuk cenderahati buat kaum lelaki.

“Sebelum ini kami mungkin sukar mencari cenderahati buat kaum lelaki dan hadiah berbentuk coklat mungkin tidak sesuai buat kaum berkenaan,” katanya.